

**#Nothing2Hide: 'Saya mahu Najib teruskan perjuangan arwah bapanya' - Tun M  
Astro Awani  
05 Jun 2015  
By Syafique Shuib**

**KUALA LUMPUR:** Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mahu agar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meneruskan perjuangan ayahandanya, Tun Abdul Razak Hussein yang merupakan bekas Perdana Menteri kedua yang berkhidmat dari tahun 1970 sehingga 1976.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap secara ringkas Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dalam majlis #Nothing2Hide: "Dialog PM bersama NGO" pada Jumaat.

Bagaimanapun, program yang dijadualkan berlangsung pada jam 9 pagi itu telah diumumkan batal oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar menerusi laman Twitternya sekitar jam 8.55 pagi.

Dr Mahathir turut diarahkan menghentikan ucapannya oleh pihak polis pada kira-kira jam 10.40 pagi sebelum beliau diiring keluar dewan pada jam 11 pagi.

Pengerusi Sukagum Datuk Khairul Anwar Rahmat mengesahkan kepada pihak media bahawa Dr Mahathir tidak mendapat jemputan ke program tersebut dan ahli politik veteran itu juga tidak diberi kebenaran untuk berucap.

Selain Dr Mahathir, Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan juga dilihat hadir.

**Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/nothing2hide-saya-mahu-najib-teruskan-perjuangan-arwah-bapanya-tun-m-61656>